

TARIKH	29 / 04 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	13	RUANGAN	

BH

29 APRIL 2014 • SELASA
FF

NASIONAL ◉ 13

Agensi umrah kena patuh

Kuala Lumpur: Agensi pelangganan khususnya yang menguruskan umrah diminta bekerjasama memperkuatkannya kesedaran jemaah mengenai jangkitan dan risiko Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Justeru, agensi berkenaan di-sarankan merujuk kepada nasihat kesihatan dan peka kepada sebarang perkembangan yang akan dimaklumkan Kementerian Kesihatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jemaah umrah sewajarnya diberi pendedahan melalui hebahan maklumat secara berterusan mengenai bahaya MERS-CoV.

Katanya, mereka juga wajar mendapatkan bantuan perubatan dan memaklumkan kepada doktor mengenai sejarah perjalanan masing-masing.

"Maklumat perjalanan penting kerana doktor perlu

mengenal pasti sama ada individu berkenaan berisiko terdedah kepada punca wabak," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, tempoh pengawasan kesihatan selama 14 hari dalam kalangan mereka yang terdedah kepada satu kes kematian akibat dijangkiti MERS-CoV di Johor, tamat semalam.

Keadaan sihat

"Secara keseluruhan, seramai 222 orang berjaya dikesan sehingga semalam (kelmarin) dari seluruh negara. Semuanya dilapor berada dalam keadaan sihat."

"Tidak sampel yang dikesan positif jangkitan MERS-CoV daripada 79 sampel yang diambil daripada kontak rapat yang bergejala dan tidak bergejala," katanya.

Kematian pertama di Malaysia akibat virus itu membabitkan lelaki berusia 54 tahun dari Batu Pahat, Johor, yang meninggal dunia pada 29 Mac lalu, 10 hari selepas kembali daripada mengerjakan umrah.

Dr Noor Hisham menegaskan bahawa tiada kes baharu dikesan dan tiada kluster jangkitan MERS-CoV dilaporkan di seluruh negara.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sudah menerima laporan sejumlah 261 kes MERS-CoV yang

Maklumat perjalanan penting kerana doktor perlu mengenal pasti sama ada individu berkenaan berisiko terdedah kepada punca wabak"

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**

disahkan melalui ujian makmal yang meliputi 93 kematian dari seluruh dunia setakat 26 April lalu," katanya.

Kurang pendedahan virus

Dalam perkembangan berkaitan, jemaah umrah mendakwa mereka kurang diberi pendedahan oleh agensi berkaitan penularan dan risiko MERS-CoV.

Penolong Pengurus Bahagian Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mohammad Salleh Abdul Saha, berkata beliau dan jemaah umrah

yang disertainya dimaklumkan mengenai kematian seorang jemaah umrah dari Johor. Bagaimanapun, katanya, maklumat yang diberikan sangat terhad, selain jemaah hanya dimaklumkan menerusi WhatsApp pada hari keenam mereka mengerjakan umrah di Makkah.

"Mutawif (ketua rombongan) menasihati kami supaya melakukan pemeriksaan kesihatan selepas pulang dari mengerjakan umrah kerana khawatir dijangkiti virus sama.

"Alhamdulillah, semua 48 jemaah umrah sihat walaupun kami melawat ladang unta dan ada yang minum susu ternakan itu," katanya.

Perjawat awam, Abdul Samad Mohd Shahpari, 26, berkata dia tidak dimaklumkan mengenai virus itu sebelum atau ketika berada di Makkah.

"Selepas seminggu pulang, baharu saya mendapat mengenai kes kematian jemaah akibat virus itu," katanya.

■ Jangkitan tempatan

■ Jangkitan luar

Muhammad Izham Rahmat, 23, juga mengaku jemaah umrah tidak diberi penerangan mengenai virus itu sepanjang berada di Makkah.

"Sebahagian jemaah hanya mengalami sakit perut biasa kerana susu itu membantu melawaskan perut," katanya.

United Kingdom